

Program kesedaran vaksin

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta pihak berkuasa agama negeri-negeri memainkan lebih peranan dengan memperbanyakkan program kesedaran kepada masyarakat berhubung kepentingan pengambilan vaksin Covid-19.

Perkara itu antara ditekankan Perdana Menteri dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Ke-68 semalam yang antara lain bagi menyokong program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) yang sedang berlangsung.

Dalam mesyuarat yang diadakan secara persidangan

video dihadiri ketua-ketua kerajaan negeri serta ahli-ahli lantikan Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri menegaskan usaha mempromosikan galakan pengambilan imunisasi itu seharusnya tidak terhad kepada Kerajaan Persekutuan dan negeri sahaja.

Kata beliau, ini memandangkan masih ramai dalam kalangan masyarakat umum tidak mendapat maklumat tepat mengenai keperluan mengambil vaksin.

"Saya berharap masyarakat mendapat penjelasan yang jelas-jelasnya bahawa keputusan kerajaan dalam isu vaksin adalah berpandukan keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI Kali Ke-10 yang bersidang pada 3 Disem-



MUHYIDDIN YASSIN

ber tahun lalu bahawa hukum mengenai penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan ia wajib diambil oleh golongan

yang ditetapkan pihak berkuasa," katanya dalam kenyataan menerusi Facebook beliau semalam.

Muhyiddin berkata, keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI itu juga telah disebarkan maklumat dan mendapat perkenan daripada Majlis Raja-Raja pada 4 Januari lalu.

Dalam hal ini, beliau berharap pihak berkuasa agama menggunakan semua platform yang ada menguar-uarkan berkenaan PICK, selain pematuh prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan bagi mengelakkan kadar peningkatan kes harian pandemik ini menjadi semakin tidak terkawal sebagaimana di beberapa negara lain.